



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA  
JABATAN PERDANA MENTERI

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 2 / 2025

M/S : 6



Kerajaan sasar mencapai pelepasan karbon sifar, bersih menjelang 2050.  
(Foto hiasan)

## Kerajaan tumpu tenaga boleh diperbaharui

**Rantau Panjang:** Kerajaan kini memberi tumpuan kepada tenaga yang boleh diperbaharui sebagai langkah lestari pada masa hadapan.

Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata ia sejajar dengan sasaran kerajaan untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

“Langkah ke hadapan kerajaan, kita akan mementingkan tenaga boleh diperbaharui, iaitu tenaga boleh baru.

“Kita akan lebih tumpukan kepada tenaga boleh baru itu kerana sasaran kita pada 2050 adalah mencapai pelepasan sifar bersih. Sebab itu dalam persidangan ASEAN kita pentingkan kelestarian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Ihsan MADANI di pusat pemin-dahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang 2, di sini, semalam.

Terdahulu media melaporkan, kerajaan bersetuju dengan

pelantikan Shamsul Azri sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang baharu berkuat kuasa semalam.

ST dalam kenyataan memaklumkan Shamsul Azri mempunyai pengalaman luas selama lebih 30 tahun dalam perkhidmatan awam, selain pernah berkhidmat di pelbagai agensi, termasuk Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Pentadbiran Kerajaan Negeri.